

Tahap Pengetahuan dan Impak Kegiatan Politik Kampus Kepada Kehidupan Mahasiswa Era Malaysia
Baharu
(*Political Awareness and Assessing the Impact of Student Politics on Student Life in the New Malaysia
Era*)

NORSHAMLIZA CHAMHURI*, TUAN MUHAMAD SHAFIQ CHE WAN NGAH, MOHD
AKMAL FAUZAN MOHD KAMIL, NUR FARAH SYAHIERA JAHARUDIN & NASZRUL
NIZAM MUHAMAD RADHI

ABSTRAK

Mahasiswa dan politik tidak dapat dipisahkan. Semangat nasionalisme yang tinggi di kalangan mahasiswa sekitar tahun 1960an dan 1970an mendorong mereka untuk bergiat aktif dalam politik. Tambahan pula pada waktu itu, tiada undang-undang yang khusus, yang menghalang kegiatan politik dikalangan mahasiswa. Tetapi keadaan sangat berbeza pada masa kini. Keterlibatan mahasiswa pengajian tinggi dalam politik adalah tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU). Pelbagai kajian literatur telah membahaskan bahawa mahasiswa dilihat telah terkesan dengan kewujudan AUKU 1971 ini, dimana ruang mahasiswa bersuara dan terlibat dengan politik menjadi terbatas. Dikhuatiri mahasiswa tidak cakna dan cetek tentang ilmu politik. Politik kampus dilihat sebagai medan terbaik untuk melahirkan golongan intelek muda yang matang dan berwawasan. Maka dengan ini, satu kajian telah dijalankan bagi mengenalpasti tahap pengetahuan dan penyertaan mahasiswa terhadap politik. Di samping itu juga, kajian ingin melihat impak politik kampus terhadap kehidupan mereka. Kajian ini menggunakan dua kaedah penyelidikan iaitu pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Sampel kajian melibatkan 100 orang responden dari pelbagai fakulti di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Kajian kualitatif pula melibatkan temubual dengan tiga orang pelajar dari Majlis Perwakilan Pelajar. Hasil kajian mendapati tahap pengetahuan mahasiswa terhadap politik kampus adalah sederhana tinggi. Ternyata keterlibatan mahasiswa dalam politik kampus mendatangkan lebih kebaikan dari keburukan. Dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu pentadbiran universiti memperkasakan peranan mahasiswa dalam arena politik supaya bakat mereka digilap menjadi pemimpin yang berkarisma suatu hari nanti.

Kata kunci: mahasiswa, politik kampus, AUKU 1971

ABSTRACT

Students and politics are inseparable. In the 1960s and 1970s, the spirit of nationalism is high among students, which inspired them to be active in politics. At that time, there was no specific law which hinder student political participation. However, the situation is very different nowadays. The participation of students in politics is subjected to the Universities and University Colleges Act 1971. Various literature have debated that students have been impacted by the existence of this act, in which the students' freedom of speech and engagement with politics becomes limited. It is fear that students are unclear and do not have the knowledge about politics. Campus politics is viewed as the best ground to produce mature and visionary young intellectuals. Thus, a study has been conducted to identify the level of knowledge and student participation in politics. In addition, this study would like to assess the impact of campus politics on students' life. This study utilizes both quantitative and qualitative research methods. The sample of this study involved 100 students from various faculties studying in Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Qualitative studies consist of indepth interviews with three students from the Student Representative Council. Research findings show that the level of students' political knowledge is medium. The involvement of students in campus politics brings more advantages than disadvantages. The findings of this study are expected to assist the university administration in empowering students' involvement in campus politics so that their talents can be further nurtured to produce a charismatic leader in the future.

Keywords: students, campus politics, AUKU 1971

PENGENALAN

Politik didefinisikan sebagai penggunaan kekuasaan atau autoriti, suatu proses pembuatan keputusan secara kolektif, atau sebagai arena pertarungan yang penuh muslihat (Heywood, 2004). Politik adalah kuasa untuk mentadbir sesebuah negara, mempengaruhi masyarakat dan pihak berkaitan untuk keinginan pihak yang mempengaruhi. Secara amnya, politik boleh memberi kesan samada kesan positif atau kesan negatif. Pembangunan politik yang positif mampu mewujudkan modenisasi, kemajuan ekonomi, keterbiban sosial dan kemajuan birokrasi. Kesan daripada budaya politik negatif adalah pertembungan ideologi politik yang berbeza-beza dan ketaksuban dalam perjuangan parti politik masing-masing. Apa yang penting adalah penggunaan dan kefahaman politik seseorang individu itu sendiri.

Dalam lipatan sejarah, mahasiswa telah memainkan peranan dan memberi sumbangan penting dalam menuntut kemerdekaan Tanah Melayu daripada penjajah British (Muhamad Ali Embi, 2009). Mahasiswa sangat aktif terlibat dalam aktiviti politik nasional sekitar tahun 60-an dan 70-an dek kerana semangat nasionalisme yang tinggi pasca kemerdekaan memandangkan tiada undang-undang khusus yang menghalang pelajar dari terlibat dalam politik pada masa itu. Sebagai contoh, mahasiswa telah menyertai Parti Buruh dan Parti Rakyat sebagai parti pembangkang semasa Pilihan Raya Umum 1969 (Junaidi et al., 2013). Sekitar tahun 1974, mahasiswa telah berjuang menentang kemiskinan dalam peristiwa demonstrasi di Baling, Kedah (Junaidi et al., 2013). Mereka mengadakan kempen secara terbuka dan mengkritik dasar kerajaan pada ketika itu. Ekoran itu, kerajaan telah memperkenalkan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 yang menghalang pembabitian mahasiswa dengan mana-mana parti politik. Perkara ini membangkitkan kemarahan mahasiswa yang mendakwa AUKU ini sebagai usaha menghadkan dan mengekang suara mereka daripada didengari oleh kerajaan yang memerintah. Kesannya, kegiatan politik dikalangan mahasiswa terbantut dan hanya tertumpu di kampus sahaja, seterusnya membawa kepada ketidakpekaan mahasiswa terhadap masalah dan isu masyarakat di luar kampus (Junaidi et al., 2013).

Hakikatnya, mahasiswa pada masa kini sangat peka dengan perkembangan semasa politik yang mereka peroleh dari media sosial (Junaidi et al., 2013). Dalam pada itu, penyertaan mahasiswa dalam persidangan dan forum dapat meningkatkan penglibatan mereka dalam politik. Proses demokrasi kampus yang

bertulang belakangkan Pilihan Raya Kampus (PRK) dilihat sebagai cara mahasiswa untuk bersuara dengan memilih barisan kepimpinan universiti. Pada masa yang sama, PRK dilihat menjadi satu cerminan masyarakat kepada situasi politik negara. Ironinya, walaupun PRK 2017 menampakkan parti pro kerajaan menang besar di kebanyakan Universiti Awam, namun, parti kerajaan berdepan dengan kekalahan sewaktu Pilihan Raya Umum (PRU) ke – 14 (Zulkifli, 2018). Ketidakselarian ini memberikan isyarat bahawa mahasiswa dan golongan muda dahagakan satu revolusi politik yang ingin melihat perubahan dalam kepimpinan negara serta mahukan satu sistem politik baharu. Pada masa yang sama, mahasiswa perlu bijak mengimbangi antara masa belajar dan keterlibatan dalam politik. Justeru itu, kajian ini bertujuan mengkaji sejauh mana tahap pengetahuan dan penyertaan mahasiswa dalam politik kampus, serta impak politik kampus terhadap kehidupan mahasiswa era Malaysia baharu.

KAJIAN LEPAS

Tahap pengetahuan pelajar tentang politik negara dan politik kampus

Kajian oleh Umami et al. (2016) melibatkan seramai 1,349 orang mahasiswa dari lima buah Universiti Penyelidikan menunjukkan 57% responden mempunyai tahap pengetahuan politik yang rendah di mana mereka kurang mengetahui mengenai sistem pemerintahan dan pentadbiran negara. Hanya 64% mahasiswa mempunyai tahap kefahaman politik yang sederhana di mana mereka memahami beberapa perkara asas sahaja mengenai sistem politik di Malaysia. Kajian ini juga melaporkan bahawa pengetahuan mahasiswa berkenaan politik akan bertambah seiring dengan peningkatan umur dan tahun pengajian mereka di universiti.

Kajian oleh Mazli et al. (2015) memberi dapatan yang agak berbeza dari kajian oleh Umami et al. (2016). Mazli et al. (2015) mendapati tahap pengetahuan mahasiswa Melayu mengenai politik berada pada tahap yang tinggi kerana dipengaruhi oleh sosialisasi politik. Sosialisasi politik didefinisikan sebagai proses pendedahan langsung nilai-nilai serta perlakuan politik dari satu generasi kepada generasi yang berikutnya. Proses sosialisasi politik yang tinggi cenderung mempengaruhi mahasiswa untuk terlibat secara aktif dalam politik.

Tahap pengetahuan dan kefahaman mahasiswa Universiti Teknologi Malaysia (UTM) terhadap politik kampus dilaporkan adalah sederhana (Hamidah et al.

2004). Hanya 45% dari sampel seramai 429 mahasiswa tahu dan faham akan peranan dan tanggungjawab Majlis Perwakilan Pelajar (MPP). Lebih dari separuh sampel mahasiswa UTM memberi respon yang positif terhadap PRK yang diadakan setiap tahun dan menyedari bahawa undi mereka akan mempengaruhi keputusan pilihanraya.

Menariknya, Junaidi et al. (2013) menjalankan sebuah kajian yang melihat kepada sumber maklumat politik yang dijadikan rujukan oleh mahasiswa. Ternyata mahasiswa menggunakan Internet sebagai sumber utama untuk memahami perkembangan politik semasa. Ini adalah kerana, Internet mempunyai lebih banyak kepelbagaian dari sudut pendapat, interaktif, mudah diakses dan perkembangan politik yang sentiasa dikemaskinikan. Selain itu, Mazli et al. (2015) mendapati saluran televisyen merupakan agen sosialisasi politik yang paling dominan dalam mempengaruhi keterlibatan mahasiswa Melayu dalam politik berbanding agen sosialisasi lain seperti keluarga, rakan sebaya dan institusi pengajian itu sendiri.

Impak politik kampus terhadap kehidupan mahasiswa

Kajian oleh Junaidi et al. (2013) menyatakan penglibatan mahasiswa dalam politik kampus secara asasnya adalah sebagai satu platform untuk mereka mengasah bakat dan sahsiah kepimpinan. Hasil kajian Junaidi et al. (2013) adalah seiring dengan apa yang berlaku dalam area politik negara, dimana kebanyakan ahli politik negara sudah didedahkan dengan suasana politik kampus sewaktu tempoh pengajian mereka. Golongan mahasiswa yang terlibat secara langsung dalam politik kampus mempunyai aspirasi untuk meneruskan penglibatan politik mereka ke peringkat yang lebih tinggi lagi selepas tamat pengajian di universiti kelak.

Kajian oleh Roslizawati dan Mohd Rizal (2017) mengenalpasti faktor dalaman yang mempengaruhi keterlibatan mahasiswa dalam PRK. Beberapa permasalahan yang berlaku dalam kampus seperti tiada bekalan air, masalah capaian Internet dan harga makanan yang mahal menjadi dorongan kepada beberapa mahasiswa untuk terlibat dalam politik kampus. Mahasiswa dilihat lebih memahami permasalahan yang berlaku dalam kampus. Dengan ini, MPP yang dilantik semasa PRK berperanan menjadi perantara pelajar dengan pihak pentadbiran universiti. Mahasiswa yang berperanan sebagai MPP memikul amanah dan tanggungjawab yang berat dan mereka mempunyai harapan agar permasalahan dalaman yang berlaku dalam kampus dapat diselesaikan.

Penglibatan mahasiswa dalam politik ternyata memberi impak yang positif kepada mereka. Hamidah

et al. (2004) mendapati kebanyakan mahasiswa mengundi calon MPP dari aspek personaliti yang menarik, gaya kepimpinan serta ketrampilan diri seseorang calon itu.

Sorotan kajian lepas mendapati kajian mengenai mahasiswa dan politik masih terhad serta kurang menyeluruh meskipun keterlibatan mahasiswa dalam arena politik telah lama berlaku.

METODOLOGI KAJIAN

Penyelidik menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu menggunakan borang soal selidik, dan pendekatan kualitatif dengan menjalankan temubual bagi mendapatkan hasil kajian. Populasi dalam kajian ini merupakan pelajar UKM. Sampel yang diambil bagi kajian kuantitatif ialah 100 orang responden terdiri daripada pelajar prasiswazah dari pelbagai fakulti di UKM. Manakala sampel bagi kajian kualitatif melibatkan tiga pelajar prasiswazah yang memegang jawatan tertinggi dalam MPP dan berlatarbelakangkan parti politik yang berbeza.

Borang soal selidik bagi kajian ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu; (i) bahagian A adalah mengenai latar belakang responden, (ii) bahagian B adalah untuk mengetahui tahap pengetahuan dan penyertaan pelajar dalam politik, dan (iii) bahagian C adalah mengenai impak politik terhadap mahasiswa. Penggunaan soalan berbentuk terbuka, pelbagai pilihan dan berskala. Soalan berbentuk terbuka akan memberi kelebihan kepada penyelidik untuk mendapatkan lebih banyak maklumat, termasuk perasaan, sikap dan pemahaman responden berkenaan sesuatu perkara. Pandangan tersebut boleh dikategorikan sebagai pemboleh ubah atau penemuan yang baharu dalam sesebuah kajian. Soalan skala Likert pula merupakan indeks pengukuran yang sering digunakan untuk melihat persepsi, imej dan pendapat responden (Malhotra 2009). Responden dikehendaki menjawab beberapa kenyataan yang diberikan mengikut skala Likert di mana 1 adalah "Sangat Tidak Setuju" dan 4 adalah "Sangat Setuju". Data dianalisis menggunakan Pakej Statistik Sains Sosial (SPSS) versi 22 bagi melaporkan hasil kekerapan, min dan sisihan piawai.

Bagi pendekatan kualitatif, penyelidik telah menyediakan empat soalan untuk ditanya semasa temubual mendalam bersama wakil pelajar. Transkripsi data telah disediakan bagi memudahkan proses menganalisis dapatan kajian. Perbandingan jawapan yang diperolehi dari informan A, B dan C dilakukan dengan mencari persamaan dan perbezaan bagi merungkai hasil yang lebih mendalam supaya

kesimpulan boleh dibuat.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Jadual 1 menunjukkan profil responden. Daripada 100 orang pelajar, 58% adalah pelajar perempuan dan 42% orang pelajar adalah lelaki. Sebanyak 51% pelajar adalah dari aliran sains sosial, yang terdiri daripada pelajar Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Fakulti Pengajian Islam, Fakulti Undang-undang, Fakulti Pendidikan dan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Sebanyak 49% pelajar pula adalah dari aliran sains

tulen, yang meliputi Fakulti Sains dan Teknologi, Fakulti Pergigian, Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat, Fakulti Sains Kesihatan, Fakulti Kejuteraan dan Alam Bina, Fakulti Perubatan dan Fakulti Farmasi. Separuh daripada jumlah responden (50%) merupakan pelajar tahun tiga, diikuti dengan 38% pelajar tahun dua, tujuh peratus pelajar tahun satu dan lima peratus adalah pelajar tahun empat. Berdasarkan komposisi kaum, 59% responden adalah Melayu, 20% adalah kaum Cina dan 16% adalah kaum India. Sebanyak 5% responden adalah Bumiputera Sabah dan Sarawak. Dengan memperoleh responden dari pelbagai aliran, fakulti, tahun pengajian dan kaum diharapkan dapat mempelbagaikan lagi dapatan kajian ini.

JADUAL 1. Profil responden

Item		N	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	42	42.0
	Perempuan	58	58.0
Aliran	Sains tulen	49	49.0
	Sains sosial	51	51.0
Tahun Pengajian	Tahun 1	7	7.0
	Tahun 2	38	38.0
	Tahun 3	50	50.0
	Tahun 4	5	5.0
Kaum	Melayu	59	59.0
	Cina	20	20.0
	India	16	16.0
	Bumiputera Sabah	4	4.0
	Bumiputera Sarawak	1	1.0

N = 100

Merujuk kepada Jadual 2, kebanyakan pelajar (84%) telah keluar mengundi dalam PRK 2018. Ini sekaligus menggambarkan bahawa mahasiswa mempunyai kesedaran untuk menunaikan tanggungjawab mereka. Namun, kajian mendapati sebanyak 62% daripada 100 orang responden mengatakan bahawa mereka tidak mengetahui akan kewujudan AUKU 1971 (Jadual 3). Tambahan lagi, hanya 55% mahasiswa dapat memberikan jawapan yang tepat tentang singkatan AUKU 1971 (Jadual 4). Dapatan ini agak memeranjatkan memandangkan kesemua responden mempunyai akses kepada Internet bagi memudahkan mereka mencari maklumat tentang isu politik semasa. Tambahan pula, semasa kajian ini dijalankan, beberapa wakil mahasiswa dari pelbagai Universiti Awam menyuarakan pendapat mereka tentang isu pindaan AUKU 1971 yang mendapat

perhatian meluas daripada pihak media. Dapatan ini selari dengan kajian oleh Umami et al. (2016) yang juga melaporkan bahawa pelajar universiti mempunyai tahap pengetahuan yang rendah tentang politik serta tidak mengikuti perkembangan politik nasional.

Jadual 5 menunjukkan analisis min bagi soalan berkenaan pengetahuan dan penyertaan pelajar dalam politik kampus. Jumlah min menghampiri 4 menggambarkan responden sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut. Berdasarkan hasil analisis, didapati mahasiswa tahu bahawa PRK diadakan setiap tahun (min = 3.68). Mereka juga bersetuju bahawa mahasiswa yang mengundi adalah pelajar yang bertanggungjawab (min = 3.63). Dapatan ini menyokong kajian oleh Hamidah et al. (2004) mengenai pengetahuan, kesedaran dan hak mengundi pelajar yang dibuktikan berada pada tahap yang tinggi.

JADUAL 2. Keluar mengundi dalam PRK 2018

Anda telah keluar mengundi dalam PRK 2018?	N	Peratus (%)
Ya	84	84.0
Tidak	16	16.0
	100	100.0

JADUAL 3. Pengetahuan tentang AUKU 1971

Saya tahu akan kewujudan AUKU 1971	N	Peratus (%)
Ya	38	38.0
Tidak	62	62.0
	100	100.0

JADUAL 4. Pengetahuan tentang singkatan AUKU 1971

Singkatan AUKU 1971 bermaksud:	N	Peratus (%)
Akta Universiti dan Kolej Universiti	55	55.0
Akta Universiti dan Kolej Umum	14	14.0
Akta Universiti dan Kesejahteraan Umum	14	14.0
Tidak berkenaan	9	9.0
Akta Universiti dan Kebebasan Universiti	8	8.0
	100	100.0

JADUAL 5. Pengetahuan dan penyertaan pelajar dalam politik kampus

Item	Min	Sisihan piawai
Saya tahu pilihan raya kampus diadakan setiap tahun.	3.68	0.510
Pelajar yang turun mengundi adalah pelajar yang bertanggungjawab.	3.63	0.544
Saya sedar kewujudan ideologi politik luar dalam politik kampus.	3.23	0.763
Perubahan landskap politik nasional memberi kesan kepada pentadbiran politik kampus.	3.21	0.701
AUKU 1971 telah meneghadkan kebebasan pelajar untuk bersuara.	2.85	0.857
AUKU 1971 telah menghalang pelajar daripada menyertai parti politik peringkat nasional.	2.69	0.918

dimana 1 adalah "Sangat Tidak Setuju" dan 4 adalah "Sangat Setuju"

JADUAL 6. Impak politik kampus terhadap kehidupan pelajar

Item	Min	Sisihan piawai
Dengan menjadi seorang wakil pelajar, saya dapat memantapkan kemahiran berkomunikasi/ berucap.	3.36	0.595
Saya akan lebih berkeyakinan/ berkredibiliti jika saya seorang wakil pelajar.	3.17	0.652
Penglibatan diri dalam politik kampus akan memudahkan mahasiswa mendapat pekerjaan.	3.01	0.772
Penglibatan pelajar dalam dunia politik akan mengurangkan masa belajar.	2.83	0.911
Penglibatan pelajar dalam politik kampus mengganggu fokus belajar.	2.73	0.941

dimana 1 adalah "Sangat Tidak Setuju" dan 4 adalah "Sangat Setuju"

Mahasiswa juga bersetuju bahawa politik kampus dipengaruhi oleh ideologi politik luar (min = 3.23). Dengan nilai min 3.21, mereka juga berpendapat bahawa apa sahaja perubahan yang berlaku terhadap politik negara akan memberi kesan kepada pentadbiran politik kampus. Dapatan ini sejajar dengan kajian oleh Junaidi et al. (2012) yang melaporkan sebanyak 71% daripada 13,078 responden menyatakan sokongan kepada aspirasi kerajaan yang memerintah pada masa itu berdasarkan kepada pengalaman dan kecemerlangan trek rekod parti berkenaan. Ariffuddin (2008) juga menyatakan bahawa arus politik perdana sedikit sebanyak mempengaruhi politik kampus.

Dapatan kajian juga mendapati bahawa mahasiswa kurang bersetuju bahawa AUKU 1971 mengehadkan kebebasan pelajar untuk bersuara (min = 2.85) dan telah menjadi penghalang bagi pelajar menyertai mana-mana parti politik peringkat nasional (min = 2.69). Dapatan kajian ini bertentangan dengan kajian literatur yang pernah diterbitkan. Sebagai contoh, Shamilatul (2010) membincangkan bagaimana AUKU 1971 ini berperanan sebagai penapis kepada aktiviti-aktiviti pelajar yang sekaligus menyekat kebebasan mahasiswa bertindak dan menyuarakan pendapat mereka. AUKU 1971 dilihat bersifat *double standard* kerana bertentangan dengan perlembagaan Malaysia yang memberikan kebebasan bersuara kepada semua rakyatnya. Senario ini sangat berbeza dengan amalan universiti di luar negara di mana pelajar digalakkan bergiat di dalam arena politik. Penyelidik menyimpulkan bahawa dapatan kajian ini adalah tidak sama dengan kajian literatur kerana dapatan awal di Jadual 3 telah menunjukkan bahawa lebih dari separuh responden tidak tahu mengenai AUKU 1971, sekaligus menyukarkan mereka untuk memahami fungsi sebenar akta berkenaan.

Jadual 6 menunjukkan analisis min bagi soalan berkenaan impak politik kampus terhadap kehidupan mahasiswa. Hasil dapatan menunjukkan bahawa penglibatan mahasiswa dalam politik kampus lebih banyak mendatangkan kesan positif kepada mereka. Mahasiswa beranggapan, apabila mereka menyertai kegiatan politik di dalam kampus dan menjadi seorang wakil pelajar, ini dapat memantapkan lagi kemahiran komunikasi (min = 3.36) dan mereka akan lebih berkeyakinan dan berkredibiliti (min = 3.17). Hasil kajian kualitatif juga menunjukkan persamaan dengan hasil kajian kuantitatif. Ketiga-tiga wakil pelajar yang ditemubual bersetuju bahawa mereka beroleh impak yang positif dari penglibatan dalam politik kampus terhadap kehidupan mereka:

Menyertai politik di kampus memberi peluang

kepada saya melihat sesuatu dari sudut yang berbeza. Ia membuka minda kita kepada pelbagai ideologi yang berbeza-beza yang sekaligus memantapkan saya sebagai seorang mahasiswa (Informan A).

Majlis Perwakilan Pelajar menjadi orang tengah diantara pentadbiran universiti dan pelajar. Dengan ini, kemahiran berkomunikasi saya dengan pihak pentadbiran perlu disampaikan dengan baik dan jelas bagi menjaga kebajikan pelajar (Informan B).

Politik kampus boleh memanfaatkan saya di bidang akademik. Antaranya memperbaiki kemahiran komunikasi saya bercakap di khalayak ramai. Semasa bertanding, saya perlu memberi motivasi kepada calon-calon dalam parti yang sama. Di sinilah saya belajar bercakap secara spontan. Dalam akademik, saya dapat menjawab soalan pensyarah, membuat pembentangan dengan tidak rasa gementar dan boleh bercakap secara spontan (Informan C).

Dapatan kajian kuantitatif dan kualitatif adalah selari dengan kajian oleh Roslizawati dan Mohd Rizal (2017); Junaidi et al. (2013) dan Hamidah et al. (2004) yang menemukan bahawa keterlibatan mahasiswa dalam politik lebih mendatangkan kebaikan kepada pelajar berbanding keburukan.

Kesan jangka masa panjang penglibatan dalam aktiviti berpolitik di kampus dilihat sebagai satu kelebihan dimana mahasiswa menjangkakan akan mudah memperoleh pekerjaan kelak (min = 3.01). Hasil kajian kualitatif juga menunjukkan hasil yang sama, dimana mahasiswa yang ditemubual bersetuju bahawa politik kampus memberi kelebihan kepada mereka dalam dunia pekerjaan nanti:

Semasa menjadi seorang MPP, saya banyak berjumpa dengan orang yang berjawatan tinggi. Di sini, banyak pengalaman yang telah mereka kongsi dari sudut kepimpinan dan pengurusan (Informan B).

Keterlibatan dalam politik kampus membuatkan saya lebih berkeyakinan kerana mempunyai pelbagai kemahiran yang secara tidak langsung dapat membantu saya mendapatkan pekerjaan yang saya inginkan (Informan C).

Hasil dapatan ini memperkukuh kajian oleh Junaidi et al. (2013) iaitu politik kampus dijadikan pentas untuk mahasiswa mengasah bakat dan sahsiah

kemimpinan serta meningkatkan sudut prestasi dan nilai tambah seseorang individu.

Menariknya, mahasiswa rata-rata tidak setuju bahawa penglibatan mereka dalam kegiatan politik di kampus akan mengurangkan masa belajar (min = 2.83) dan mengganggu fokus terhadap pembelajaran (min = 2.73). Hasil kajian kualitatif adalah selari dengan hasil kajian kuantitatif:

Hanya aktivis-aktivis mahasiswa yang terlalu taksud dengan parti masing-masing yang memperoleh impak yang negatif dari keterlibatan mereka dalam politik. Kebiasaannya mereka ini terpaksa mengulang kursus ataupun memanjangkan tempoh pengajian. Perkara ini tidak mencerminkan kematangan dan kepimpinan mahasiswa itu sendiri (Informan A).

Tidak dinafikan ada di antara mahasiswa yang mendapat 'pointer' di bawah 3.0. Bukan semua pelajar mendapat keputusan akademik seperti ini. Ianya merupakan satu ujian kepada pelajar tersebut dan mereka haruslah berfikir bagaimana mereka hendak hadapi situasi ini (Informan B).

Dapatan kajian adalah selari dengan Junaidi et al. (2013) di mana mahasiswa perlu bijak berfikir dalam menentukan yang mana baik dan yang mana buruk apabila terlibat dalam politik. Mahasiswa juga perlu bijak membahagikan masa dalam memastikan bahawa penglibatan mereka dalam politik tidak memberi kesan negatif ke atas pencapaian akademik mereka.

KESIMPULAN

Berdasarkan hasil kajian, penyelidik dapat menyimpulkan bahawa tahap pengetahuan mahasiswa mengenai politik adalah sederhana tinggi. Ini dibuktikan melalui analisis min yang telah dibincangkan. Walaubagaimanapun, jumlah peratusan pelajar yang kurang peka tentang AUKU 1971 juga adalah tinggi. Mahasiswa disarankan supaya lebih cakna dan tampil lebih intelektual dengan isu semasa.

Hasil kajian juga menyimpulkan bahawa gelanggang politik kampus menjadi wadah kepada ramai mahasiswa dalam meningkatkan nilai tambah diri mereka. Selain dari meningkatkan kemahiran insaniah, politik kampus dapat membentuk satu semangat kepimpinan dan budaya tanggungjawab dalam kalangan pelajar. Kesan negatif akibat keterlibatan mahasiswa dalam bidang politik hanya wujud jika seseorang pelajar itu terlalu taksud sehingga mengabaikan pelajaran. Ternyata, keterlibatan mahasiswa dalam politik kampus

lebih mendatangkan kebaikan daripada keburukan.

Pihak pentadbiran universiti disarankan memberi pendedahan tentang ilmu politik kepada mahasiswa melalui program-program yang berimpak tinggi. Jangan dijadikan isu politik sesuatu isu yang tabu. Terbukti melalui hasil kajian ini bahawa kematangan intelektual mahasiswa dapat dibentuk dari keterlibatan mereka dalam bidang politik. Maka dengan ini, pihak pentadbiran universiti juga disarankan untuk memperkasakan mahasiswa yang berjuang dalam politik kampus supaya bakat kepimpinan pelajar dapat terus digilap. Kebolehpasaran graduan yang memiliki nilai tambah dari keterlibatan dalam pentas politik kampus dapat ditingkatkan dan seterusnya meningkatkan mutu kepimpinan negara.

Untuk kajian akan datang, penyelidik menyarankan supaya jumlah responden ditambah lagi kerana kajian ini hanya terhad kepada 100 orang responden sahaja. Dicadangkan sampel responden diperluaskan lagi, iaitu melibatkan mahasiswa dari universiti awam dan universiti swasta yang lain supaya hasil kajian yang diperoleh lebih relevan dan mewakili populasi keseluruhan pelajar dari pelbagai Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia.

PENGHARGAAN

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Muhammad Said Abdul Aziz, Liew Chee Hui, Niyok Yean Chyi, Nur Alia Rizal, dan Muhammad Azhani Yusoff atas bantuan pengutipan data yang telah dilakukan.

RUJUKAN

- Ariffuddin, I. (2008, Oktober 9). Pilihan raya kampus dipengaruhi kesan pilihan raya umum. *MStar Online*. Diambil dari <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2008/10/09/pilihan-raya-kampus-dipengaruhi-kesan-pilihan-raya-umum>
- Hamidah, A. R., Nik Hasnaa, N. M., Roziana, S., Rozeyta, O., Salwa, A. P., dan Lily Suriani, M. A. (2004). Kajian kesedaran mahasiswa terhadap peranan dan tanggungjawab Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sebagai wakil pelajar di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Heywood, A. (2004). *Political theory: An Introduction*. Palgrave Macmillan.
- Junaidi, A. B., Mohd Fuad, M. J., Novel, L., dan Mazlan, A. (2013). Penggunaan Internet dan persepsi politik mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 16: 1 – 13.
- Junaidi, A. B., Mohd Fuad, M. J., Yahaya, I., Abdul Halim, S., Jeniri, A., Rosmadi, F., dan Novel, L. (2012). Persepsi politik pengundi belia Melayu

- pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 2008 di Malaysia. *Jurnal Melayu*, 9: 191 – 124.
- Mazli, M., Abdul Razak, A. R., dan Abdul Rashid, A. (2015). Penglibatan mahasiswa Melayu Universiti Awam dalam politik di Malaysia. *Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia*. 23 – 31.
- Muhamad Ali, E. (2009). *Patriotisme dan kepercayaan rakyat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distibutions.
- Roslizawati, T. dan Mohd Rizal, Y. (2017). Pendemokrasian mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space*, 13(4): 93 – 105.
- Shamilatul Sobrini, A. (2010) *Persepsi pelajar UTM terhadap Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU)*. Kertas Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan. Diambil dari: http://www.fp.utm.my/epusatsumber/pdf/fail/ptkghdfwp2/p_2010_9649e7094e1b720a49afbf7542c8b6d57d1.pdf
- Ummi, M. S. M. Z., Faridatulazna, A. S., Nur Riza, M. S., Mansor, M. N., Wan Suraya, W. H., dan Wan Shahzinda Shah, W. S. (2016). Tanggungjawab politik: Kajian dalam kalangan pelajar IPTA. *Proceeding of the 3rd International Conference on Management & Muamalah 2016 (3rd ICoMM)*. 316 – 322.
- Zulkifli, J. (2018, Disember 17). Punca BN tewas? *Utusan Malaysia*. Diambil dari: <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/punca-bn-tewas-1.670544>

Norshamliza Chamhuri*, Tuan Muhamad Shafiq Che Wan Ngah, Mohd Akmal Fauzan Mohd Kamil, Nur Farah Syahiera Jaharudin & Naszrul Nizam Muhamad Radhi (7.430, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan), Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor

*Pengarang untuk surat menyurat; e-mel: norshamliza@ukm.edu.my

Diserahkan: 9 Ogos 2019

Diterima: 9 Ogos 2019